

SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC(PCT)100.2/6 Jld 2

Tarikh : 1 Jun 2020

Malaysia Automotive Robotics And IoT Institute

Blok 2280,

Jalan Usahawan 2,

Cyber 6,

63000 Cyberjaya,

Selangor Darul Ehsan

(U.P : Encik Azhar Bin Talb @ Jalal)

Tel : 013 - 831 87742

PERLANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS (eGPA) KEPADA MALAYSIA AUTOMOTIVE ROBOTICS AND IOT INSTITUTE (MARII) BAGI PERKHIDMATAN TINJAUAN KESEDIAAN INDUSTRY 4WRD

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Satu Juta Lapan Ratus Empat Puluh Ribu sahaja (RM1,840,000.00) (tiada SST).**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen rundingan harga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan.

3. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan atau mendepositkan kepada MPC, suatu Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia yang tidak boleh dibatalkan berjumlah **Ringgit Malaysia: Lima Puluh Lapan Ribu Satu Ratus Lima dan Dua Puluh Enam Sen Sahaja (RM 58,105.26)** yang merupakan 5.0 % dari jumlah anggaran nilai satu (1) tahun perkhidmatan dijalankan.

4. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan oleh pihak tuan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Pihak tuan haruslah memberikan dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC. Tempoh perkhidmatan adalah selama 19 bulan bermula pada 1 Jun 2019 sehingga 31 Disember 2020.

5. Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan 3 dalam tempoh 14 hingga 30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan pihak MPC tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

6. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

7. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 6 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;

- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

8. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 7, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

9. Sekiranya pihak tuan dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak Tuan.

10. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.

 (tandatangan syarikat)

Nama Penuh : **AZHAR B. TAIB @ JALAL**
No. Kad Pengenalan : **~~721222~~ 721229 -06-53 05**
Alamat :

Tarikh : **10 JUN 2020**

 (Tandatangan wakil syarikat)

Nama Penuh : **Senior General Manager**
MARi Intelligent Technology System
Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute
No. Kad Pengenalan : **730724-07-5329**
Alamat :

Tarikh : **10 JUN 2020**

Diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak :

Meterai atau Cop Syarikat
Tarikh : **10 JUN 2020**



1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : 898618-7

1.2 Tempoh Sah Laku :

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

2.1 No. Pendaftaran : 357-000229/287

2.2 Tempoh Sah Laku : 15/7/2018 - 14/07/2021

2.3 Kod Bidang : 22110 + 222704

2.4 Taraf Syarikat : BUMIPUTERA

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : 15/7/2018 - 14/07/2021

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

3.1 Harga Sebut Harga seperti di **Lampiran A1** : **RM1,840,000.00**
*Lampiran A1 (Lampiran Q dalam dokumen Sebutharga) adalah merupakan borang dengan harga yang ditandatangani oleh syarikat - untuk tindakan MPC

3.2 Harga Kontrak : **RM1,840,000.00**

3.4 Tempoh Kontrak : 19 bulan

3.5 Tarikh Mula Kontrak : 1 Jun 2019

3.6 Tarikh Tamat Kontrak : 31 Disember 2020

Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC

4. **Bon Pelaksanaan**
 (*diisi oleh pihak MPC)

4.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 5.0 %

4.2 Formula Bon Pelaksanaan : RM 1,162,105.26 x 5.0%

4.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM58,105.26

4.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful

4.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian

Lampiran A1

NAMA AB	JUMLAH SYARIKAT YANG DIJANGKA DIPERUNTUKKAN	ANGGARAN KOS
Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARII)	92	1,840,000

Lampiran A2

Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARII)

ZON A (Harga Asal)		ZON B (Harga Asal)		ZON C (Harga Asal)	
*15,000		*17,000		*20,000	
DIPERSETUJUI (RM)	PENGURANGAN (%)	DIPERSETUJUI (RM)	PENGURANGAN (%)	DIPERSETUJUI (RM)	PENGURANGAN (%)
14,250	5	16,150	5	19,000	5

Nota *: Bagi tahun 2019, harga dipersetujui dikekalkan sama dengan *Harga Asal* kerana penilaian telah pun dilaksanakan oleh Badan Penilai

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**PERLANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS (eGPA) KEPADA
MALAYSIA AUTOMOTIVE ROBOTICS AND IOT INSTITUTE (MARII) BAGI
PERKHIDMATAN TINJAUAN KESEDIAAN INDUSTRY 4WRD**

Saya.....AZHAR B. TAIB @ JALAL..... nombor K.P.....721229-06-5305 yang
mewakili.....MARII..... nombor pendaftaran898618-T.....

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar

..........
Nama : AZHAR TAIB
No. K.P.: 721229-06-5305
Cop Syarikat : Deputy CEO
Malaysia Automotive Robotics And
IoT Institute

